

PIS, MyCenTHE pacu sektor pelancongan

Johor Bahru: Pemilihan Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) sebagai Pusat Pendidikan Pelancongan dan Hospitaliti Malaysia (MyCenTHE) di Johor, menjadi titik permulaan dalam merealisasikan hasrat kerajaan negeri memacu sektor pelancongan di selatan tanah air.

MyCenTHE di PIS adalah institusi pendidikan keenam selepas Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Melaka dan Negeri Sembilan, yang diwujudkan bagi meningkatkan kualiti pendidikan dalam bidang pelancongan dan hospitaliti.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata penubuhan MyCenTHE di PIS dilihat sebagai perediaan kerajaan negeri menjadikan Johor sebagai destinasi pelancongan bernilai tinggi menjelang tahun 2023.

Katanya, masa depan industri pelancongan negeri dan negara amnya, pasti bergantung kepada modal insan yang berkualiti dan mahir dalam industri berkenaan.

“Dalam penawaran perkhidmatan pelancongan dan hospitaliti, modal insan yang komited dan berkualiti tinggi adalah sangat penting kerana mereka bakal menjadi barisan hadapan bagi negeri Johor.

Beliau berkata demikian menerusi teks ucapannya yang dibacakan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Jais Sarday, pada majlis pelancaran MyCenTHE di PIS, Pasir Gudang di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Kumpulan Universiti UCSI, Datuk Dr Peter TS Ng; Presiden MyCenTHE, Dr Li Jianyao dan Pengarah PIS, Mohd Hatta Zainal.